

U B179 AAB
MAHATHIR-RINGGIT R R R
(I)

KUALA LUMPUR, 23 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGULANGI JAMINAN BAHAWA KERAJAAN TIDAK AKAN MENURUNKAN NILAI RINGGIT KERANA LANGKAH SEPERTI ITU TIDAK MEMBERI FAEDAH KEPADA NEGARA, MALAH AKHIRNYA AKAN MEMBAWA KEPADA INFLASI.

PERDANA MENTERI MENINGATKAN KALANGAN BANK BAHAWA MEREKA JUGA YANG AKAN KERUGIAN JIKA MEREKA MASIH PERCAYA BAHAWA KERAJAAN AKAN MENURUNKAN NILAI RINGGIT DAN SETERUSNYA MEMBUAT SPEKULASI MENGENAINYA UNTUK MERAH KEUNTUNGAN.

+BAGI KERAJAAN, KITA TIDAK AKAN MENURUNKAN NILAI RINGGIT KERANA LANGKAH INI TIDAK MEMBERI FAEDAH KEPADA KITA KERANA INI BERMAKNA KITA TERPAKSA Mencari lebih banyak ringgit untuk membayar hutang,+ KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN SEMINAR DUA HARI UNTUK ANGGOTA-ANGGOTA PARLIMEN DI KOMPLEKS UMNO DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, MALAH SEKARANG TANPA PENURUNAN NILAI RINGGIT, NEGARA TERPAKSA Mencari 60 PERATUS LAGI RINGGIT UNTUK MEMBAYAR PINJAMAN YANG DALAM NILAI YEN.

BELIAU MENGULAS JAMINAN OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI ENCIK GHAFAR BABA DI KELANG AHAD LEPAS BAHAWA KERAJAAN TIDAK BERHASRAT MENURUNKAN NILAI RINGGIT. -- LAGI.

1235MST 23 09 86

U B186 AAB
MAHATHIR-RINGGIT 2 KUALA LUMPUR
(I)

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA OLEH KERANA LEBIH BANYAK RINGGIT DIPERLUKAN UNTUK MEMBAYAR PINJAMAN, MAKA PENURUNAN NILAI AKAN BERERTI KERAJAAN MESTI MENGENAKAN LEBIH BANYAK CUKAI UNTUK MEMBAYAR BALIK PINJAMAN ITU TETAPI DALAM KEADAAN SEKARANG, TIDAK MUNGKIN KERAJAAN DAPAT MENAMBAHKAN PENDAPATANNYA.

+JADI, SAYA TIDAK FIKIR PENURUNAN NILAI RINGGIT INI DAPAT MEMBANTU,+ KATANYA.

DARI ITU, PENURUNAN NILAI RINGGIT BUKANLAH JAWAPAN UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH EKONOMI NEGARA TETAPI PRODUKTIVITI YANG TINGGI DALAM BERTI KATA YANG SEBENARNYA, KUALITI DAN KUANTITI, TAMBAH BELIAU.

+KESAN POSITIF PENURUNAN NILAI ADALAH SEMENTARA. DALAM MASA YANG SINGKAT SAHAJA, LANGKAH ITU TIDAK MEMBERI KESAN UNTUK MENURUNKAN KOS KERANA NANTI AKAN ADA TUNTUTAN KENAIKAN GAJI DAN SEBAGAINYA.

+APA YANG AKAN KITA HADAPI NANTI IALAH KEADAAN INFLASI.+
JELASNYA. -- LAGI.

1250MST 23 09 86

U B193 AAB
MAHATHIR-RINGGIT 3 KUALA LUMPUR

(I)

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU KESAL KERANA BELIAU MEMBUANG MASA SAHAJA MEMBERI JAMINAN DEMI JAMINAN KERANA +DENGAN JAMINANPUN MEREKA MASIH MENDESAK MEREKALAH YANG BETUL.+

MENGENAI LANGKAH KERAJAAN UNTUK MELONGGARKAN PERATURAN PENYERTAAN EKUITI ASING, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA GARIS PANDUAN YANG DICADANGKAN MENGENAI PERKARA ITU TELAHPUN DISUSUN DAN AKAN DIBERES DAN DILULUSKAN OLEH KABINET SEMASA MESYUARAT MINGGUANNYA ESOK.

BELIAU BAGAIMANAPUN TIDAK MEMBERI BUTIRAN LANJUT TETAPI BERKATA GARIS PANDUAN ITU +JAUH BERBEZA+ DARIPADA AMALAN YANG LEPAS.

KATANYA, GARIS PANDUAN ITU MUNGKIN NAMPAKNYA TIDAK BEGITU MEMATUHI DASAR EKONOMI BARU (DEB) TETAPI BELIAU MENEGASKAN IA PERLU UNTUK MEWUJUDKAN KEKAYAAN SUPAYA PEMBAHAGIAN KEKAYAAN DAPAT DILAKSANAKAN MENGIKUT DASAR ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU AKAN MENERANGKAN GARIS PANDUAN ITU KEPADA KALANGAN PERNIAGAAN DI AMERIKA SYARIKAT SEMASA BELIAU DI SANA UNTUK MENGHADIRI PERHIMPUNAN AGUNG BANGSA-BANGSA BERSATU DI NEW YORK. -- BERNAMA.

1317MST 23 09 86